

| | | | |
|------------|-------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | Tongkat Ali beri tenaga | | |
| MediaTitle | Metro Ahad | | |
| Date | 01 Jan 2012 | Color | Black/white |
| Section | Supplement | Circulation | 314,321 |
| Page No | L-F8 | Readership | 1,964,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 268 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 2,639 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,916 |



Tongkat Ali beri tenaga



Dr Sakit Tuan
Dr Ismail Thamby jawab
Pengelola Ruang Sakit Tuan
sakituan@hmetro.com.my

SEJAK kebelakangan ini saya banyak menerima persoalan mengenai Tongkat Ali. Bagaimana mahu mendapatkannya, apakah produk Tongkat Ali yang terbaik, kegunaannya dan pelbagai soalan lagi yang berkait rapat dengan produk tersebut.

Jika pembaca tinjau sejarah silam mengenai penggunaan herba Tongkat Ali, produk tersebut tersenarai dalam majalah herba purba yang dikeluarkan pakar herba dan 'etnobotanist' Britain.

Sejak itu, banyak kajian dijalankan pakar herba tempatan dan FRIM selain kajian di universiti tempatan seperti Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Malaya (UM).

Yang pasti, Tongkat Ali mengandungi ramuan yang memberi tenaga dan kesejahteraan fizikal kepada lelaki

dan wanita apabila diambil secara minuman rebusan dengan teh atau kopi, amalan yang biasa dilakukan orang purba dan nenek moyang kita.

Oleh kerana berperanan memberi tenaga dan kesejahteraan fizikal kepada lelaki dan wanita, herba ini dianggarkan sesuai digunakan sebagai penggalak untuk hubungan kelamin.

Oleh itu Tongkat Ali dikaitkan sebagai ubat perangsang seks walaupun kelebihanannya lebih daripada itu. Ini pandangan umum walaupun kajian mengenainya menunjukkan ia merupakan afrodisiak (ubat perangsang seks) herba yang mujarab kerana mampu merangsang penghasilan hormon testosteron iaitu hormon perangsang seksual kepada manusia dan binatang.

Secara kebetulan, hormon testosteron juga mustahak untuk kesejahteraan fizikal dan otot lelaki serta wanita, selain mengawal daya seksual.

Tongkat Ali juga mujarab

sebagai bahan pembunuh kuman, kulat dan kuman virus serta menghapuskan cacing parasit manusia dan parasit darah bergelar Plasmodium yang menyebabkan penyakit demam kura.

Ia juga sesuai sebagai 'ubat' nyah alahan dan mujarab sebagai rawatan semula jadi untuk penyakit resdung. Kajian pakar UM menunjukkan ekstrak Tongkat Ali yang larut dalam air berupakan membantu memantapkan otot badan serta meningkatkan daya dan kekuatan fizikal dan meningkatkan metabolisme lemak.

Kajian di sebuah klinik kesuburan tempatan menunjukkan Tongkat Ali meningkatkan tahap testosteron dan pra testosteron (DHEAS, dua hormon mustahak untuk kesejahteraan syahwat dan tenaga fizikal lelaki.

Kajian terkini pakar di sebuah hospital swasta menunjukkan ekstrak tersebut iaitu NU-PREP 100 membantu menambah isi padu air mani dan meningkatkan kuantiti, kualiti dan keaktifan sperma,

secara langsung membantu meningkatkan tahap kesuburan lelaki.

Kajian itu dilaporkan dalam Journal Perubatan Andrologi Asia (AJA) pada Mei 2010.

Oleh kerana Tongkat Ali membantu pemprosesan testosteron, sebilangan lelaki berumur yang kekurangan hormon testosteron dan menyebabkan mereka lesu, tak berdaya serta kurang bertenaga, diberi makanan tambahan itu dan didapati Tongkat Ali membantu mengatasi masalah itu.

Laporan kajian ini ada dalam Journal Perubatan Andrologia, Jun 2011. Bagi yang ingin mendapatkan produk ini, ia sesuai untuk kesejahteraan fizikal selain memberi tenaga dan mengawal tekanan.

Memilih menggunakan makanan tambahan seperti Tongkat Ali yang tulen adalah pilihan bijak kerana ia bukan makanan tambahan sembarangan, sebaliknya sudah menjalani pelbagai ujian klinikal mengenai khasiatnya.